

(٤) بَابُ الْمُسْلِمِ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

(4) Bab: Orang Islam Yang Sebenarnya Ialah Orang Yang Mana Orang Islam Lain Terpelihara Daripada (Gangguan) Lidah Dan Tangannya.¹¹⁴

orang yang dicintai terbayang di dalam hati. Ia boleh menyebabkan wajah orang yang bercinta berubah kerananya. (8) حياء العبودية Malu kerana sedarkan (menginsafi) diri hanya seorang hamba. Perasaan ini timbul hasil percampuran dua perasaan lain iaitu rasa cinta dan rasa takut. Seseorang yang mempunyai perasaan malu ini akan merasakan dirinya tidak layak menjadi hamba pun kepada Tuhannya. Dia merasakan kedudukan Tuhannya sangat agung, tidak mampu dicapai oleh kedudukannya yang sangat hina. (9) حياء الشرف والعزة Malu kerana kemuliaan jiwa dan keluhuran budi. Orang yang berjiwa mulia dan berbudi luhur akan berasa malu apabila telah melakukan sesuatu yang rendah dan tidak layak dengan dirinya. (10) حياء المرء من نفسه Malu seseorang kepada dirinya sendiri. Perasaan malu ini timbul di dalam hati orang yang berjiwa mulia apabila jiwanya berpuas hati dengan sesuatu yang rendah. Ia seolah-olahnya menyesali perasaan puas hatinya terhadap sesuatu yang rendah itu. Inilah perasaan malu yang paling tinggi dan sempurna. Kerana apabila seseorang malu kepada dirinya sendiri, sudah tentulah kepada orang-orang lain dia akan lebih malu. **Antara pengajaran dan panduan** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Iman adalah sesuatu yang sangat istimewa kerana ia membuahkan banyak sekali sifat-sifat yang baik dan mulia. (2) Iman diibaratkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai sepohon pokok. Pokok yang sempurna ialah yang berdaahan, berdaun, berbunga dan berbuah. Demikian juga iman. Iman yang sempurna ialah yang mendorong orang yang memilikinya bersifat dengan sifat-sifat yang mulia dan terpuji. (3) Konsep tauhid merupakan unsur yang paling utama dan istimewa dalam iman. (4) Iman menuntut kita menjaga hubungan dengan Allah s.w.t dan hubungan sesama manusia. (5) Tuntutan iman tidak sama tarafnya. Ada yang berat dan ada juga yang mudah dilaksanakan. (6) Keelokan membuat perumpamaan dalam pengajaran dan pendidikan. Kesannya amat mendalam kepada jiwa manusia. (7) Sifat malu sejati adalah satu sifat yang berkait rapat dengan iman. **Selain Bukhari**, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan al-Baihaqi di dalam Syu'abul Imannya juga turut meriwayatkan hadits ini.

¹¹⁴ Tajuk bab yang dibuat Bukhari ini merupakan bahagian pertama daripada hadits kesepuluh yang akan dikemukakan di bawah nanti. Di permulaan Kitabul Iman yang lalu Imam Bukhari telah menyatakan hakikat iman menurut pandangannya dan juga pandangan jumhur as-Salaf as-Saleh. Ia adalah gabungan ucapan dan perbuatan (selain membenarkan dengan hati). Di sana juga beliau telah menyatakan sifat iman dengan katanya: "Ia boleh bertambah dan berkurang." Di bawah bab pertama iaitu Babul Iman, Imam Bukhari telah mengemukakan hadits kelapan riwayat Ibnu 'Umar r.a. yang mengandungi rukun Islam. Apa yang tersebut sebagai rukun Islam di dalam hadits itu bagi beliau bukanlah sesuatu yang terpisah dan tidak ada kena mengena dengan Islam. Ia juga pada hakikatnya merupakan sebahagian daripada (tuntutan) iman. Di bawah bab berikutnya Imam Bukhari mengemukakan hadits kesembilan yang menceritakan tentang cabang-cabang iman. Tujuannya ialah untuk mengingatkan bahawa amalan dalam Islam yang merupakan

١٠- حَدَّثَنَا آدَمُ بْنُ أَبِي إِيَاسٍ قَالَ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي الشَّعْرَى وَإِسْمَاعِيلُ بْنُ أَبِي خَالِدٍ عَنِ الشَّعْبِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ وَقَالَ أَبُو مُعَاوِيَةَ حَدَّثَنَا دَاوُدُ هُوَ ابْنُ أَبِي هِنْدٍ عَنْ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ يَخْبِي ابْنَ عَمْرٍو عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ عَبْدُ الْأَعْلَى عَنْ دَاوُدَ عَنْ عَامِرٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

10- Adam bin Abi Iyaas ('Abdur Rahman bin Muhammad m.226H) meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah (bin al-Hajjaaj m.160H) meriwayatkan kepada kami daripada Abdillah bin Abi as-Safr (Sa'id bin Muhammad al-Hamdaani al-Kufi. Meninggal dunia di zaman pemerintahan Marwaan bin Muhammad) dan Ismail bin Abi Khalid (al-Bajali al-Ahmasi al-Kufi m.145H) daripada as-Sya'bi ('Aamir bin Syaraahil. Meninggal dunia selepas tahun 100H) daripada Abdillah bin 'Amar r.a.¹¹⁵ daripada Nabi

tuntutan iman itu tidak terbatas setakat lima perkara sahaja, malah ia melebihi enam puluh atau tujuh puluh cabang. Menerusi hadits kesepuluh ini pula Imam Bukhari hendak menegaskan bahawa untuk menjadi seorang muslim atau mu'min yang sempurna seseorang itu mestilah mengelak diri daripada menyakiti orang muslim yang lain. Dia juga mestilah sentiasa mahukan kebaikan saudara seagamanya. Tajuk bab bersama hadits di bawahnya jelas membatalkan pegangan golongan Murji'ah yang mengatakan: *لا تضر مع الإيمان* Bermaksud: "Keta'atan langsung tidak berfaedah. Ma'shiat pula dalam keadaan seseorang beriman tidak memudharatkannya." Pegangan kamu itu tidak benar. Ia menyalahi ajaran Rasulullah s.a.w. yang telah membawa agama Islam itu sendiri. Bagaimana kamu mengatakan keta'atan langsung tidak berfaedah, bukankah apabila seseorang muslim menjaga dirinya daripada menyakiti saudara seagama dengannya daripada gangguan lidah dan tangannya, dia akan menjadi seorang muslim yang sempurna? Bukankah kalau dia menyakiti saudaranya baik dengan lidah atau tangannya, Islamnya tidak sempurna? Tidakkah itu bererti ma'shiat dan kejahatan menjejaskan iman seseorang?? Bila ada orang Islam sebenar dan orang Islam sejati, maka tentulah ada juga orang Islam yang tidak sebenar dan tidak sejati. Dengan itu benarlah da'waan kami bahawa Islam atau iman seseorang itu boleh bertambah dan berkurang.

¹¹⁵ Nama dan salasilah keturunan beliau secara lengkap adalah seperti berikut: 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash bin Waa'il bin Haasyim bin Su'aid bin Sahm as-Sahmi al-Qurasyi. Kuniyah (nama panggilan) beliau ialah Abu Muhammad, Abu 'Abdir Rahman dan Abu Nushair. Ibu beliau bernama Raithah binti Munabbih bin al-Hajjaaj bin 'Aamir bin Huzafah bin Su'aid bin Sahm. 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash merupakan salah seorang empat 'Abdul (العبادة الأربعة) yang masyhur di kalangan sahabat kerana kelebihan dan kehebatan mereka. Selain terkenal sebagai seorang sahabat yang sangat 'alim, zahid, 'abid, muhajir dan sukakan kedamaian, beliau juga dikenali sebagai seorang mujahid (pejuang). Beliau adalah salah seorang sahabat agung Rasulullah s.a.w. yang diketahui banyak meriwayatkan hadits-hadits Baginda. Inilah salah

seorang sahabat yang meminta izin daripada Rasulullah s.a.w. untuk menulis dan mencatat hadits-hadits Baginda. Dan akhirnya beliau berjaya menghasilkan sebuah kitab (himpunan) hadits yang dipanggil *الصحيفة الصادقة*. Kitab ini ditulisnya ketika Rasulullah s.a.w. masih hidup lagi. Abu Hurairah pernah berkata: *مَا مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحَدٌ أَكْثَرَ حَدِيثًا عَنْهُ مِنِّي إِلَّا مَا كَانَ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ فَإِنَّهُ كَانَ يَكْتُبُ وَلَا أَكْتُبُ* Bermaksud: Tidak ada seorang pun dari kalangan sahabat Nabi s.a.w. yang lebih banyak meriwayatkan hadits Baginda s.a.w. daripada saya kecuali 'Abdullah bin 'Amar. Kerana dia menulis, saya pula tidak. (Atsar riwayat Bukhari, Tirmizi, Daarimi, Ibnu Hibbaan, Ahmad dan at-Thahaawi). Menurut sesetengah 'ulama', semua riwayat 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash yang sampai kepada kita hanyalah sebanyak tujuh ratus hadits. Tujuh belas daripadanya dimasukkan oleh Bukhari dan Muslim di dalam kitab sahih mereka masing-masing. Lapan hadits daripadanya hanya diriwayatkan oleh Bukhari dan dua puluh hadits daripadanya pula hanya diriwayatkan oleh Muslim. Berhubung dengan kenapakah hadits-hadits yang diriwayatkan daripada beliau jauh lebih sedikit berbanding hadits-hadits yang diriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a, padahal Abu Hurairah sendiri mengakui banyak hadits diterimanya daripada Rasulullah s.a.w. Kalau tidak lebih banyak daripada Abu Hurairah pun, mungkin lebih kurang sama banyak dengan Abu Hurairah. Berikut adalah antara sebabnya: (1) 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash terkenal sebagai salah seorang sahabat yang sangat kuat beribadat (ahli ibadat). Beliau tidak banyak terlibat dalam bidang periwayatan dan pengajaran. (2) Setelah jatuhnya empayar Rom dan Farsi, 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash menetap di Mesir. Sebahagian hidup beliau dihabiskan di Syam dan di Tha'if. Perhatian para pelajar dan penuntut ilmu agama pada masa itu tidak tertumpu sangat ke situ. Berbeza dengan Madinah, kerana ia merupakan pusat ilmu Islam dan tempat berhimpunnya sekian ramai sahabat. Abu Hurairah menetap di Madinah dalam keadaan menumpukan sepenuh perhatiannya kepada meriwayatkan hadits, mengajar dan memberi fatwa kepada masyarakat umum. Ini juga antara sebab utama kenapa riwayat Abu Hurairah lebih banyak tersebar berbanding riwayat 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash r.a. (3) Sebelum ini telah pun disebutkan bahawa Abu Hurairah r.a. pernah mendapat doa khusus Rasulullah s.a.w. menyebabkan beliau tidak lupa apa saja yang didengarnya daripada Rasulullah s.a.w. Ini juga antara faktor kenapa Abu Hurairah lebih yakin dalam menyampaikan hadits-hadits Rasulullah s.a.w. berbanding para sahabat yang lain. (4) 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash adalah seorang ahli ilmu yang bukan sahaja mengkaji al-Qur'an dan al-hadits, beliau juga banyak mengkaji kitab-kitab yang tersebar di kalangan Ahli al-Kitab. Cerita beliau kadang-kadang bercampur-baur dengan cerita yang berpunca daripada kitab-kitab Ahli al-Kitab itu. Kerananya sesetengah tokoh tabi'in tidak mahu mengambil riwayat beliau atau mereka lebih berhati-hati terhadap riwayat-riwayatnya. (5) Pada asalnya 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash termasuk salah seorang sahabat yang bercadang hendak melakukan ibadat sepanjang masa. Antara ibadat yang hendak dilakukannya ialah berpuasa tiap-tiap hari, mengkhatam al-Qur'an tiap-tiap hari, beribadat sepanjang malam dan mahu mengkhiasi diri supaya tidak lagi mempunyai nafsu yang mungkin menjadi penghalang kepadanya beribadat. Setelah dilarang keras oleh Rasulullah s.a.w., amalan ibadat yang terus dilakukan oleh 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash sampai ke akhir hayatnya dengan izin Rasulullah s.a.w. ialah: (a) Berpuasa selang sehari. (b) Mengkhatam al-Qur'an setiap minggu. (c) Bersembahyang malam dengan membaca satu hizib daripada al-Qur'an setiap malam. Tentu sekali orang yang beriltizam dengan amalan-amalan seperti itu di samping menjaga dan melaksanakan pula tanggungjawab-tanggungjawab lain

s.a.w. Baginda s.a.w. bersabda: “Orang Islam yang sebenarnya (muslim sejati)¹¹⁶ ialah orang yang mana orang-orang Islam lain¹¹⁷ terpelihara daripada (kejahatan / gangguan)

sebagai seorang Islam yang ta'at, tidak akan mempunyai masa lagi untuk mengajar dan meriwayatkan hadits. 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash mendahului ayahnya dalam memeluk agama Islam. Ibunya juga telah memeluk agama Islam. Perbezaan umur beliau dengan ayahnya 'Amar, dikatakan hanya dua belas tahun sahaja. Berdasarkan satu riwayat yang dikemukakan oleh Imam az-Zahabi di dalam Tazkiratu al-Huffaaz, 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash meninggal dunia di Mesir pada tahun 75H.

¹¹⁶ Perkataan المسلم di dalam hadits ini boleh diterjemahkan dengan dua terjemahan. (1) Terjemahan yang diberikan di atas adalah berdasarkan ال (alif laam) pada perkataan المسلم dipakai sebagai alif laam hakikat. Menurut ابن جني (Ibnu Ginni ialah 'Utsman bin Ginni, Abu al-Fath al-Maushili m.392H), orang-orang Arab kalau hendak memuji dan menyatakan kelebihan dan kesempurnaan sesuatu akan menggunakan perkataan isim jenis yang diawali dengan ال seperti البيت untuk بيت الله atau Ka'bah dan الكتاب untuk kitab Nahu yang dikarang Sibawaih. Qaedah ilmu Balaghah yang diguna pakai di sini ialah تنزيل الناقص منزلة العدم (mengira sesuatu yang kurang itu sebagai tiada saja). (2) Jika ال pada perkataan المسلم dipakai sebagai alif laam jenis dan diambil kira pula muftada' dan khabar kedua-duanya di dalam ayat ini adalah ma'rifah, semestinya ia memberi ma'na hashar (khusus dan terhad). Maka terjemahannya harus juga di buat begini: Muslim (orang Islam) hanyalah (nama dan gelaran yang layak untuk) orang yang orang-orang Islam lain terpelihara daripada (kejahatan) lidah dan tangannya. Orang yang menyakiti orang-orang lain dengan lidah atau tangannya tidak layak sama sekali dengan nama dan gelaran itu. Ia sebaliknya layak dipanggil pengkhianat, penjahat dan sebagainya. Dan orang yang tidak bersifat begitu bukan muslim. Hanya yang bersifat begitu saja orang Islam. Seperti perkataan 'alim dikatakan kepada orang yang mempunyai علم ('ilmu) iaitu orang yang ada padanya ma'khaz isytiqaqnya (punca perkataan 'alim itu sendiri). Begitulah juga dengan perkataan muslim, ia hanya dikatakan kepada orang yang mempunyai سلام, سلم, atau سلامة (keselamatan, kesejahteraan, kedamaian dan ketundukan kepada Allah). Itulah ma'khaz isytiqaq (punca) bagi perkataan muslim itu sendiri. **Kemusykilan mungkin timbul disini** bahawa adakah dengan ada sifat selamat dan terpelihara orang-orang Islam lain daripada kejahatan lidah dan tangan seseorang itu semata-mata akan menjadikan seseorang sebagai muslim sebenar dan sejati, walaupun ia langsung tidak mempunyai sifat-sifat lain dan tidak mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang lain? Jawapan kepada kemusykilan ini ada dua. **Pertama:** Tentu sekali tidak begitu, malah yang dimaksudkan ialah orang Islam sebenar adalah orang yang mempunyai sifat tersebut di samping ia juga menjunjung titah perintah Allah dan RasulNya yang lain-lain lagi. **Kedua:** Hadits ini bermaksud menyatakan bahawa sifat yang tersebut itu semestinya ada pada muslim (orang Islam). Kerana itulah ma'na sebenar yang terkandung dalam perkataan muslim. Ia sama sekali tidak bermaksud menafikan kewujudan sifat-sifat baik lain yang mesti juga ada padanya.

¹¹⁷ Kenapa pula perkataan المسلمون (orang-orang Islam) yang digunakan di sini. Apakah yang perlu selamat dan terpelihara daripada gangguan dan kejahatan seorang muslim itu hanya orang-orang Islam sahaja? Ada dua jawapannya: (1) Nabi s.a.w. menyebutkan di dalam hadits ini hanya golongan yang biasa dan lebih banyak bergaul dengan seseorang muslim. Sudah tentulah mereka orang-orang Islam juga. (2) Mungkin juga kerana orang-orang Islam itu bersaudara sesama

lidah¹¹⁸ dan tangannya.¹¹⁹ Orang yang sebenarnya berhijrah ialah orang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah.”¹²⁰ Abu Abdillah (Imam Al-Bukhari)

mereka. Kalau anda sebagai seorang muslim dapat melakukan kejahatan kepada sesama Islam, tentulah kepada orang-orang lain lebih-lebih lagi. Jadi maksud hadits ini ialah mendidik jiwa umat Islam supaya tidak melakukan kejahatan kepada sesiapa jua. Bermula daripada sesama saudara hingga kepada orang-orang asing. 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash sendiri dalam riwayatnya yang lain menyebutkan perkataan الناس (semua manusia) di tempat perkataan المسلمون (orang-orang Islam lain) itu. (Lihat misalnya riwayat beliau yang dikemukakan oleh Ahmad di dalam Musnadnya, Baihaqi di dalam Syu'ab al-Imannya, Thabaraani di dalam Mu'jam Ausathnya dan Abu Nu'a'im di dalam al-Mustakhrajnya. Lihat juga syawaahidnya daripada riwayat Abi Hurairah, Anas, Fadhaalah bin 'Ubaid, Abi Zarr dan lain-lain di dalam Musnad Ahmad, Sunan Nasaa'i, Sahih Ibnu Hibbaan, Mu'jam Kabir Thabaraani dan lain-lain). Kalau begitu yang harus terpelihara daripada gangguan dan kejahatan seseorang muslim bukan lagi khusus dengan orang-orang Islam. Yang harus terpelihara daripada kejahatan seseorang muslim itu bukan terhenti setakat manusia sahaja, malah binatang-binatang juga. Justeru ada ancaman di dalam sekian banyak hadits Rasulullah s.a.w. kerana menyiksa binatang sekalipun. Antara lainnya ialah hadits berikut ini: عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ غَدَبْتُ امْرَأَةً فِي هَرَّةٍ حَبَسْتُهَا حَتَّى مَاتَتْ جَوْعًا فَدَخَلْتُ فِيهَا النَّارَ قَالَ فَقَالَ وَاللَّهِ أَغْلَمَ لَا أَنْتِ أَطْعَمْتَهَا وَلَا سَقَيْتَهَا حِينَ حَبَسْتِهَا وَلَا أَنْتِ أَرْسَلْتَهَا فَأَكَلْتُ مِنْ خَشَاشِ الْأَرْضِ Bermaksud: 'Abdullah bin 'Umar meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Seorang perempuan disiksa kerana seekor kucing yang dikurungnya sampai mati kelaparan. Perempuan itu masuk neraka kerananya. Baginda s.a.w. bercerita seterusnya: Kata Allah kepadanya, padahal Allah amat mengetahui tentangnya: "Ketika engkau mengurung kucing itu, tidak engkau memberi makan dan minum kepadanya dan tidak juga engkau melepaskannya supaya ia dapat mencari makanan sendiri berupa binatang-binatang yang melata di bumi." (Hadits riwayat Malik, Ahmad, Bukhari, Muslim dan Ibnu Hibbaan). Pelaksanaan hukum pidana Islam seperti hudud dan lain-lain, mendisiplinkan kanak-kanak dan pesalah sivil tidak bercanggah dengan hadits ini. Lantaran semua yang tersebut itu tidak termasuk dalam إِيذاء (mengganggu, menyakiti, menceroboh atau melakukan kejahatan) terhadap mereka, malah sebaliknya ia merupakan langkah-langkah islah dan pemulihan moral mereka.

¹¹⁸ Termasuk dalam kejahatan lidah dan gangguannya ialah menyumpah, menyeranah, memaki, mela'nat, mengumpat, memfitnah, mengacum, mengadu domba, memperli, mencemuh, mencela, mengeji, menghina, menjampi, menyihir, mencarut, mengejek dengan menjelir lidah dan sebagainya. Sebabnya Rasulullah s.a.w. menyebutkan secara khusus lidah dan tangan di dalam hadits ini ialah kerana kebanyakan kejahatan dan gangguan dilakukan dengannya. Tentu sekali Baginda s.a.w. menyebutkan dua anggota itu sebagai contoh paling ketara semata-mata dalam seseorang melakukan kejahatan dan gangguan terhadap orang lain. Ia sama sekali tidak menafikan gangguan-gangguan yang mungkin dilakukan oleh anggota-anggota kita yang lain. Sebabnya lidah disebut dahulu oleh Rasulullah s.a.w. daripada tangan ialah kerana melakukan kejahatan dengan lidah itu lebih mudah berbanding dengan tangan. Anda boleh menyakiti orang yang berada dekat atau jauh dari anda dengan lidah. Anda juga dapat mengatai orang yang masih hidup dan orang yang telah mati. Kejahatan lidah ini juga lebih banyak berlaku dalam masyarakat. Berlakunya pula bukan sahaja di kalangan orang-orang biasa, malah di kalangan

orang-orang yang berkedudukan dan ternama juga. Kadang-kadang kesan ucapan dan kata-kata itu lebih mendalam dan menusuk jiwa. Kerana itulah Nabi s.a.w. bersabda: أَهْجُوا قَرِيشًا فَإِنَّهُ أَشَدُّ عَلَيْهِمْ مِنْ رَشْقِ النَّيْلِ Bermaksud: "Ejeklah orang-orang (kafir) Quraisy dengan menggunakan sya'ir. Ia lebih dahsyat kepada mereka daripada (terkena) panahan anak panah." (Hadits riwayat Muslim, Thabaraani dan Baihaqi). Kerana itulah juga seorang penya'ir berkata: وَلَا جِرَاحَاتُ السِّنَانِ لَهَا التِّيَامُ وَلَا يَلْتَأَمُ مَا جَرَحَ النَّسَانُ Bermaksud: Luka kerana terkena mata lembing yang tajam dapat bertaut. Tetapi luka kerana terkena (tikaman) lidah tidak akan bertaut.

¹¹⁹ Termasuk dalam kejahatan tangan dan gangguannya pula ialah memukul, menampar, menumbuk, membunuh, menolak dengan keras, meroboh, mencuri, merampas, menulis atau melukis perkara-perkara yang karut-marut dan sebagainya. Jelas sekali bahawa manusia tidak melakukan segala pekerjaannya dengan tangan. Kenapa Rasulullah s.a.w. menyebutkannya secara khusus? Jawabnya ialah kerana kebanyakan pekerjaan manusia itu dilakukan dengan tangan. Boleh dikatakan tanganlah yang paling banyak memenuhi kehendak dan hajat manusia. Memberi, mengambil, menghulur, menyambung, mengerat, merasa, menjamah, meraba, mencuit, melambai, mengisyarat, makan, minum dan sebagainya, pada umumnya dilakukan manusia dengan tangannya. Kata Zamakhsyari, kerana kebanyakan pekerjaan manusia itu dilakukan dengan tanganlah dipinjam perkataan tangan untuk menyatakan segala perbuatan dan usaha yang dilakukan oleh manusia melalui anggota-anggota lain sekalipun. Kata orang Arab: هَذَا مِمَّا عَمَلَتْهُ أَيْدِيهِمْ Maksudnya: Ini adalah antara perkara yang dilakukan oleh tangan-tangan mereka. Padahal perkara itu tidaklah dilakukan dengan tangan. Allah s.w.t. juga telah menggunakan perkataan tangan untuk menyatakan segala usaha yang dilakukan oleh manusia, meskipun ia dilakukan dengan anggota-anggota yang lain selain tangan. Lihat misalnya firman Allah di bawah ini:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Bermaksud: Telah nyata kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut disebabkan oleh apa yang dilakukan oleh tangan manusia; (nyatanya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian dari akibat perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat). (ar-Ruum:41). Tentu sekalilah perbuatan buruk yang mereka lakukan itu tidak terhad dengan tangan semata-mata, tetapi Allah tetap menggunakan perkataan tangan sebagai isyarat kepada kebanyakan perbuatan manusia itu dilakukan mereka dengan tangan pada kebiasaannya (خرج مخرج الغالب).

¹²⁰ ال (Alif laam) pada perkataan المهاجر sama juga dengan yang terdapat pada perkataan المسلم sebelum ini. **Hijrah itu terbahagi kepada dua bahagian. Pertama:** Hijrah zahir. **Kedua:** Hijrah batin atau hakikat hijrah. Hijrah zahir ialah melarikan diri dari tempat yang seseorang tidak bebas mengamalkan ajaran-ajaran agama dan diganggu gugat serta terancam pula kerananya. Hijrah batin pula ialah meninggalkan apa-apa yang didorong oleh nafsu dan syaitan. Hadits di atas menggambarkan hakikat hijrah iaitu meninggalkan apa-apa yang dilarang Allah. Tujuan Nabi s.a.w. bersabda begini ialah empat perkara berikut: (1) Mengingatkan para sahabat yang telah berhijrah dari Mekah ke Madinah agar mereka tidak bergantung sepenuhnya kepada perpindahan dari Mekah ke Madinah itu semata-mata dan berpuas hati dengannya, walaupun jelas sekali kelebihan berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan hadits-hadits Baginda s.a.w. Apa yang dituntut daripada mereka seterusnya selepas berhijrah zahir itu ialah hijrah batin yang menghendaki seseorang menjunjung segala titah perintah Allah serta meninggalkan segala laranganNya. (2)

Oleh kerana al-Qur'an dan hadits-hadits banyak sangat menyatakan kelebihan berhijrah, mungkin juga ia menimbulkan semacam kebanggaan dan gah di dalam hati para sahabat muhajirin. Maka sabda Rasulullah s.a.w. ini bertindak sebagai tazkiyah dan peringatan untuk mereka. Maksudnya ialah mereka tidak seharusnya berbangga dan bermegah-megah dengan anggapan amalan hijrah itu sahaja sudah lebih dari cukup untuk mereka. Justeru para sahabat muhajirin itu tetap dikehendaki melaksanakan tuntutan asal hijrah itu sendiri. (3) Sabda Baginda s.a.w. ini juga bermaksud menghiburkan hati umatnya yang tidak diberikan kesempatan berhijrah. Mereka mungkin orang-orang yang hidup sezaman dengan Rasulullah s.a.w. atau yang mendatang hingga ke hari kiamat. Ia benar-benar merupakan penawar kepada umat akhir zaman lantaran mereka juga masih tetap mendapat kelebihan dan keistimewaan berhijrah itu dengan semata-mata menjauhi segala larangan Allah. (4) Oleh kerana Rasulullah s.a.w. pernah bersabda selepas pembukaan Mekah: لَا هِجْرَةَ بَعْدَ الْفَتْحِ Bermaksud: "Tiada lagi hijrah selepas pembukaan Mekah." (Hadits riwayat Bukhari daripada Ibnu 'Umar). Mungkin terlintas di benak seseorang bahawa: (a) Selepas pembukaan Mekah sama sekali tidak akan ada lagi sebarang perpindahan kerana ugama. Jawabnya ialah keperluan berhijrah dari Mekah dan lain-lain tempat yang telah termasuk di bawah wilayah kekuasaan Islam itu sahaja yang tidak ada. Kerana di mana-mana pun masyarakat Islam sudah dapat mengamalkan ajaran Islam dengan bebas. Ia tidak menolak kemungkinan di mana akan berlaku kembali suasana yang mendorong umat Islam berhijrah demi menjaga kebebasan berugamanya di lain-lain tempat di dunia ini pada masa-masa akan datang. (b) Apabila hijrah tiada lagi, maka peluang untuk mendapat pahala dan kelebihan hijrah juga akan tiada. Sabda Baginda s.a.w. di atas menjawab kemusykilan ini; Bahawa peluang untuk mendapat pahala dan kelebihannya tetap ada. Apabila seseorang menjauhi larangan Allah, ia akan mendapat jenis pahala dan kelebihan yang pernah diperolehi para muhajirin yang telah berhijrah dari Mekah ke Madinah dahulu. Meskipun sifat pahala dan kelebihannya tidaklah seratus peratus sama, namun ia dari jenis dan bentuk yang sama. Hadits riwayat 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash di atas apabila dianalisa, dapat di bahagikan kepada dua bahagian besar. Pertamanya: الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ (Orang Islam sebenar (muslim sejati) adalah orang yang orang-orang Islam (lain) terpelihara daripada (kejahatan / gangguan) lidah dan tangannya). Keduanya: وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ (Orang yang berhijrah sebenarnya adalah orang yang meninggalkan apa yang dilarang Allah).

Inti sari bahagian pertamanya ialah muslim bukan sekadar nama gelaran untuk orang yang mengucap dua kalimah syahadah dan mengamalkan beberapa tatacara dalam upacara keagamaan semata-mata. Ia malah merupakan gelaran untuk orang yang memenuhi segala tuntutan agama Islam di sepanjang hayatnya. Muslim adalah seorang hamba Allah dalam erti kata yang sebenar-benarnya kerana memiliki kepercayaan dan cara hidup beragama yang sempurna. Kalau di satu pihak ia mempunyai hubungan yang baik dengan Allah, di pihak yang lain pula ia mempunyai hubungan yang mesra dan penuh kasih sayang dengan manusia di sekelilingnya. Ia seorang yang tenang, damai, berakhlak mulia, amanah, bertoleransi, bertimbang rasa, berfikiran luhur, mahukan kesejahteraan semua orang, bermaruah, mempunyai perjuangan dan matlamat hidup yang jelas serta tidak ditakuti dan dibimbangi sesiapa pun. Orang-orang Islam khususnya dan manusia keseluruhannya bukan sahaja terpelihara daripada kejahatan dan gangguannya, mereka malah menaruh kepercayaan penuh kepadanya terhadap nyawa, harta benda dan kehormatan mereka. Ia juga dipercayai sebagai seorang pejuang kebenaran dan penegak keadilan. **Inti sari bahagian keduanya** pula ialah ia memberikan huraian yang ringkas dan tepat untuk erti

berkata:¹²¹ “Kata Abu Mua’wiyah: “Daud bin Abi Hind meriwayatkan kepada kami daripada ‘Aamir, katanya: “Aku telah mendengar ‘Abdullah bin ‘Amar meriwayatkan daripada Nabi s.a.w.” ‘Abdul A’la pula meriwayatkannya daripada Daud daripada ‘Aamir daripada ‘Abdillah daripada Nabi s.a.w.¹²²

perkataan مهاجر. Sedia dima’lumi bahawa orang yang berhijrah itu ialah orang yang meninggalkan rumah tangga dan tanah airnya lalu menetap di negeri asing yang bukan merupakan tanah tumpah darahnya kerana Islam. Islam memang memandang tinggi terhadap pengorbanan seorang muhajir. Menurut Islam orang yang berhijrah kerana Islam itu selayaknya menerima ganjaran yang istimewa berupa syurga dan redha Allah yang berkekalan. Tetapi hadits ini memperkenalkan satu lagi bentuk hijrah yang berkait rapat dengan kehidupan setiap orang muslim di sepanjang zaman. Itulah dia hakikat hijrah yang dituntut setiap muslim mengamalkannya. Menjauhi segala perkara yang dilarang Allah kita melakukannya.

¹²¹ Daripada kenyataan yang terdapat di dalam sanad ini, para ‘ulama’ telah menyimpulkan dua pendapat berikut: (1) Ia tidak diucapkan oleh Imam Bukhari sendiri, malah ia merupakan nukilan muridnya al-Firabri. Kerana jika Imam Bukhari sendiri yang mengucapkannya, sudah tentulah beliau akan menggunakan kata ganti nama dirinya iaitu ‘aku’ atau ‘saya’, bukannya menggunakan nama kuniahnya (nama panggilannya). (2) Ia memang diucapkan oleh Imam Bukhari sendiri. Ini kerana memang menjadi kebiasaan dalam dunia penulisan Bahasa Arab, para penulis menggunakan nama kuniahnya sendiri sebagai membahaskan diri mereka menggantikan kata ganti nama di dalam tulisan-tulisan mereka.

¹²² Tujuan Imam Bukhari mengemukakan dua riwayat ta’liq di sini setelah mengemukakannya melalui riwayat musnadnya daripada Adam bin Abi Iyaas ialah untuk menyatakan empat perkara berikut: (1) Hadits yang diriwayatnya daripada Adam bin Abi Iyaas ada mutaba’ahnya. (2) Mengisyratkan kepada seorang perawi yang turut berada di dalam ketiga-tiga sanadnya, tetapi disebut dengan dua nama yang berbeza, sebenarnya adalah orang yang sama. Di dalam sanad riwayat musnadnya ia disebut sebagai as-Sya’bi. Sementara di dalam dua sanad ta’liq yang dikemukakannya daripada Abu Mu’awiyah dan ‘Abdul A’la pula ia disebut sebagai ‘Aamir. As-Sya’bi adalah gelaran kepada ‘Aamir. ‘Aamir yang dimaksudkan di sini ialah ‘Aamir bin Syaraahil. (3) Sanad riwayat musnad Bukhari dan ‘Abdul A’la masih tidak jelas menunjukkan ‘Aamir benar-benar telah mendengar hadits ini secara langsung daripada ‘Abdullah, lantaran kedua-duanya diriwayatkan secara ‘an’anah. Riwayat secara ‘an’anah tetap terdedah kepada keadaan sanad yang terputus. Untuk menghilangkan kekeliruan dan keraguan yang mungkin timbul tentang sama ada ‘Aamir as-Sya’bi benar-benar telah menerima hadits secara langsung daripada ‘Abdullah, Imam Bukhari mengemukakan ta’liq daripada Abu Mu’aawiyah. Di dalam riwayat Abu Mu’aawiyah ‘Aamir as-Sya’bi dengan jelas menyebutkan bahawa beliau telah mendengar ‘Abdullah bin ‘Amar meriwayatkan hadits ini daripada Nabi s.a.w. (4) Di dalam sanad riwayat ta’liq daripada ‘Abdul A’la tidak tersebut dengan jelas siapakah sebenarnya ‘Abdullah yang telah menerima hadits ini daripada Nabi s.a.w. Adakah ia ‘Abdullah bin Mas’ud sebagaimana yang masyhur dalam istilah thabaqah para sahabat atau ia ‘Abdullah yang lain? Kekeliruan ini dapat dihilangkan dengan melihat riwayat musnad Bukhari dan juga riwayat